

## Isi Kandungan

# SISTEM PERKHIDMATAN PELAJAR PERDANASISWA (SISTEM TEMPAHAN RUANG)

Cara Guna Pembanding Perpustakaan SKTM

oleh  
**Lukman Hakim bin Mohd Ibrahim**  
**WEK990348**

**Pn. Nazean Jomhari**

Moderator

**Pn. Siti Hafizah Abdul Hamid**

Projek ini diserahkan kepada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi, Universiti Malaya dalam memenuhi keperluan untuk Program Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian.

2002/2003

Fasa Rekabentuk Sistem  
Gambarajah UML

## Isi Kandungan

i	Abstrak	1
ii	Penghargaan	2
1.	<b>Pengenalan.</b>	3
1.1	Kompleks Perdana Siswa.	4
1.2	Objektif Projek.	4
1.3	Kerasionalan Projek.	5
1.4	Skop projek Skop projek ini tertumpu kepada:	13
1.5	Limitasi projek	15
1.6	Jangkaan Output	16
1.7	Penjadualan Pembangunan Sistem	17
1.7.1	Carta Gantt Pembangunan Sistem	18
2	<b>Pengenalan Kajian Kepimpinan Pelajar</b>	19
2.1	Bahagian Peperiksaan	19
2.2	Prestasi Akademik Pemimpin Pelajar (MPP)	20
2.3	Analisa yang akan dilakukan	20
2.4	Analisis	26
2.5	Kesimpulan	28
2.6	Penggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat	29
2.6.1	Bagaimana Teknologi Komunikasi dan Maklumat dapat membantu dalam Proses melakukan tempahan.	29
2.7	Pemodelan	31
2.8	Apakah UML?	32
2.8.1	Kelakuan Sistem	32
2.8.2	Pemodelan Use-case	33
2.8.3	Rajah Use-Case	35
2.8.4	Dokumentasi Use-Case	37
3	<b>Metodologi dan Fasa Analisis</b>	38
3.1	Pengenalan	38
3.2	Tugas-tugas biasa dalam Kitar Hayat Proses Pembangunan.	38
3.3	Metodologi Pembangunan	40
3.3.1	Model Air Terjun	40
3.3.2	Model Incremental.	45
3.3.3	Pembangunan Iteratif	48
3.3.4	Model Pilihan – Hibrid Incremental dan Iteratif.	50
3.4	Keperluan Analisa	52
3.4.1	Mengenalpasti keperluan sistem	52
3.4.2	Keperluan fungsian	55
3.4.3	Keperluan bukan Fungsian.	58
3.5	Penentuan Peralatan dan Perisian	60
3.5.1	Perkakasan	60
3.5.2	Perisian	61
4	<b>Fasa Rekabentuk Sistem</b>	63
4.1	Gambarajah UML	63

4.1.1	Gambarajah Use-case	63
4.1.2	Gambarajah Kelas	64
4.1.3	Gambarajah Sequence Proses Penempahan	65
4.1.4	Gambarajah Sequence Proses Pendaftaran Akaun	66
4.1.5	Gambarajah Sequence Proses Penetuan Kos Perkhidmatan	67
4.1.6	Gambarajah Sequence Proses Pengesahan Tempahan	67
4.2	Antaramuka Pengguna Bergrafik ( GUI )	68
4.2.1	Skrin Login	68
4.2.2	Laman Pendaftaran	69
4.2.3	Laman Pembetulan Pendaftaran	70
4.2.4	Laman Jadual Tempahan	71
4.2.5	Laman Borang Tempahan	72
<b>5</b>	<b>Struktur Aplikasi Web</b>	<b>74</b>
5.1	Senibina Aplikasi	74
5.2	Pangkalan Data	75
5.2.1	Membina Model Data	75
5.2.2	Stored Procedures	76
5.2.3	Lapisan Capaian Pangkalan Data	78
5.3	Namespace ReserveSys	78
5.4	App Settings	79
5.5	Corak Umum	80
5.6	DataReader lawan DataSet	83
5.7	Pengompilan Komponen	84
5.8	Rekabentuk Aplikasi Web	86
5.8.1	Laman Login	86
5.8.2	Menu Pilihan Ruang	89
5.9	Keselamatan and Deployment	91
5.9.1	Authentikasi berasakan Form/Borang.	91
5.9.2	Deploying	92
5.10	Elemen-elemen Aplikasi Web ASP.NET	93
5.10.1	Komponen-komponen Form Web	95
5.10.2	Struktur Fail Form Web.	96
5.10.3	Masalah dan Penyelesaian.	97
5.11	Kesimpulan	
<b>6</b>	<b>Pengujian Sistem</b>	<b>105</b>
6.1	Client-side Testing	106
6.2	Server-side Testing	107
6.3	Kesimpulan	108
<b>7</b>	<b>Pencapaian Sistem</b>	<b>109</b>
7.1	Perancangan Projek	110
7.2	Masalah dan kekangan	111
7.3	Ringkasan	113
	<b>Rujukan</b>	<b>113</b>
	<b>Lampiran : Manual Pengguna</b>	<b>114</b>

# Abstrak

Sistem Perkhidmatan Pelajar Perdana Siswa (Perkhidmatan Penempahan Kompleks) merupakan satu sistem perkhidmatan pelajar yang bersepada, terpusat dan secara berkomputer bagi menggantikan sistem lama yang menggunakan kaedah manual, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. Juga sebuah sistem yang diharap dapat berinteraksi dengan sistem lain yang sedia ada. Proses permohonan penempahan ruang kompleks perdanasiswa yang dilakukan secara ‘on-line’ bukan sahaja dapat menjimatkan masa, malah ianya dapat berfungsi dengan lebih cekap dan efisien berbanding dengan sistem manual yang sedia ada.

Capaian ke atas sistem juga dapat dibuat dari mana-mana lokasi dan ini akan memudahkan pemohon dan pengesah permohonan. Selain membuat tempahan, sistem ini membantu pengurusan dan pentadbiran Unit Penempahan Kompleks HEP untuk menguruskan segala data tentang maklumat pelajar, maklumat penempahan yang lazimnya memerlukan pengurusan yang teliti serta cekap.

Dengan pembangunan sistem ini, diharap ia mampu mengatasi masalah yang dihadapi oleh sistem tempahan manual yang sedia ada dan akan mencerminkan sebuah organisasi yang berteraskan teknologi berdasarkan komputer.

Lukman Hakim Bin Mohd Ibrahim

## Penghargaan

Segala Puji-pujian dan kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah Subhana Wata'ala kerana dengan rahmat yang dikurniakanNya, Projek Ilmiah Tahap Akhir I ini dapat disiapkan dengan jayanya. Berkat doa dan usaha serta dorongan yang telah diberikan oleh pelbagai pihak, maka segala cabaran dan halangan yang dilalui, dapat ditempuh dengan penuh kesabaran.

Setinggi penghargaan buat Puan Nazean Jomhari selaku penyelia saya kerana sudi menyelia dan sintiasa memantau perkembangan thesis saya, serta selalu meluangkan masa bagi memberi pendapat dan motivasi yang bermakna. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan buat moderator, Puan Siti Hafizah yang banyak memberi panduan serta tunjuk ajar demi meningkatkan kualiti pembangunan sistem ini.

Penyempurnaan tugas ini tidak lengkap tanpa kerjasama yang diberikan oleh individu tertentu. Oleh itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan buat kakitangan Unit Pengangkutan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya khasnya kepada Cik Hjh. Maizon Abdul Karim selaku Kerani Kanan Seksyen Pentadbiran dan Perkhidmatan Pelajar dan Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob selaku Timbalan Naib Chancelor Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang sudi memberi kerjasama dalam sesi temuramah. Terima Kasih juga kepada Encik Yusuf Musa selaku Ketua Penolong Pendaftar Seksyen Peperiksaan yang telah memberikan kerjasama dalam mendapatkan rekod perestasi pemimpin pelajar. Tidak dilupakan juga kepada En. Abdul Wahid Jais selaku Ketua Penolong Pendaftar Seksyen Kemasukan dan Rekod kerana telah membantu sedikit sebanyak dalam proses mendapatkan maklumat pemimpin pelajar. Saya juga ingin mecgucapkan terima kasih kepada En. Sha'ary Mat Din selaku Penolong Pendaftar Seksyen Pembangunan dan Perhubungan HEP kerana telah memberikan senarai nama MPP yang amat penting dalam pembangunan kajian.

Juga untuk ahli keluarga dan sahabat handai yang sudi membantu dalam memberikan idea dan dorongan untuk terus berusaha, semoga Tuhan melimpahkan rahmat ke atas kalian. Terima kasih atas segalanya.

Lukman Hakim Bin Mohd Ibrahim

# 1. Pengenalan.

Objektif-objektif pembangunan sistem ini adalah seperti yang dinyatakan

## 1.1. Kompleks Perdana Siswa.

Menyediakan satu sistem perkhidmatan pelajar online bagi memudahkan Kompleks perdanasiswa 18.8 juta dibina atas kawasan seluas 1.7 hektar dengan ‘build-up area’ seluas 13,296 meter persegi.Kompleks ini digunakan mulai pertengahan tahun 1995.Kompleks yang mempunyai tujuh buah blok bangunan ini menempatkan bilik secretariat.Kompleks perdanasiswa adlah pusat interaksi yang membanggakan seluruh mahasiswa Universiti Malaya, turut menyediakan kemudahan bilik seminar.

Kemudahan ruang yang disediakan di kompleks ini untuk mengadakan kegiatan badan pelajar dan interaksi dikalangan pelajar termasuk :

- Bilik mesyuarat,
- Bilik gerakan,
- Auditorium,
- Bilik seminar dan
- Surau.

Pelajar yang ingin menggunakan kemudahan ini dikehendaki menempahnya di Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

## **1.2. Objektif Projek.**

Objektif-objektif pembangunan sistem ini adalah seperti yang dinyatakan

berikut : ~~impahan yang digunakan sekarang adalah penggunaan kaedah~~

1. Menyedikan satu sistem perkhidmatan pelajar online bagi memudahkan mereka melakukan tempahan penggunaan ruang-ruang Kompleks yang Perdanaiswa seperti dewan, bilik seminar ,gazebo dan sebagainya bagi kegunaan aktiviti-aktiviti kelab dan persatuan.

2. Sistem basaskan web ini menyedikan segala kemudahan tempahan yang boleh dicapai dimana sahaja dan dapat menjimat masa pelajar yang melakukan tempahan dan mengurangkan “paper work” seperti yang diperlukan dalam sistem sedia ada.

3. Sistem ini pada masa yang sama ingin mengubah sistem lama yang kurang efisien kepada sistem maklumat yang lebih moden bersesuaian dengan kemajuan teknologi informasi terkini.


4. Seperti yang telah dinyatakan, mengurangkan *paper work* bermaksud menghasilkan sistem yang hampir kepada tahap *paperless* iaitu mengurangkan penggunaan kertas supaya maklumat lebih terurus dalam sistem computer dan capaian maklumat dapat dilakukan dengan lebih pantas.

### 1.3. Kerasionalan Pojek.


Sistem penempahan yang digunakan sekarang adalah penggunaan kaedah tradisional yang perlu melalui beberapa proses yang akan mengambil yang lama. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa sistem lama ini perlu ditukar dengan sistem yang lebih effisien dan membantu menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan sistem penempahan lama ini.

Dari soal-selidik yang dtelah dilakukan di bahagian HEP ,kami telah mendapatkan bagaimana sistem penempahan dilakukan sekarang dan kami juga telah memperolehi carta aliran bagi menunjukkan proses yang terlibat dalam seluruh proses.


Berikut adalah 3 carta aliran bagi menunjukkan proses penempahan yang diuruskan oleh pihak HEP:




Gambartajah 1.1:Carta Aliran proses penempahan .



**Gambarajah 1.1:Carta Aliran proses penempahan 1**



Gambarajah 1,2 : Carta Aliran proses penempahan 2



**Gambarajah 1.3 : Carta Aliran proses penempahan 3**

Carta-carta aliran diatas adalah mudah difahami dimana ketiga-tiga carta dibahagikan kepada tiga proses utama iaitu gambarajah 1 mewakili proses pengesahan tempahan, gambarajah 2 mewakili proses pengesahan tempat tempahan dan gambarajah 3 mewakili proses bayaran tempkahan.

Kerasionalan membina sistem ini juga adaleh kerana terdapatnya masalah-masalah yang timbul darapada sistem sediada. Diantara masalah-masalah yang dihadapi sekarang adalah hasil daripada soal selidik di bahagian HEP :

### **1. Ketidakefisienan sistem sedia ada**

Setelah membuat soal selidik dalam proses yang biasa dilakukan untuk membuat suatu tempahan, saya telah mendapati bahawa ia adalah proses yang mudah tetapi tidak effisien disebabkan kelemahan manusia sendiri.

Bagi kelab-kelab dan persatuan dalam universiti, aktiviti-aktiviti mungkin akan berjalan lebih lancar jika kemudahan-kemudahan atau sumber-sumber yang diperlukan dapat disediakan dalam masa yang diperlukan.Sistem kini (mungkin) masih menggunakan kaedah tradisional yang memerlukan wakil kelab/persatuan menggunakan protocol (seperti pergi pejabat, ambil borang, isi borang, perlu kelulusan dan sebagainya) untuk melakukan penempahan.Kaedah lama ini didapati tidak (kurang) efisyen dan banyak membuang masa pelajar.

Proses pendaftaran mengambil masa yang lama dan memerlukan pengesahan beberapa orang sebelum dapat diluluskan oleh pihak HEP. Seperti contoh borang pendaftaran yang telah ditunjukkan kepada kami purata tempoh untuk membuat suatu tempahan adalah diantara 2-3 minggu.

## **2. Maklumat tidak terkini**

Setakat ini tiada rujukan terpusat yang mudah dicapai bagi mengetahui status kesediaadaan bagi ruang-ruang Kompleks Perdanaswara. Projek ini secara ringkasnya menyediakan pemimpin-pemimpin pelajar cara yang mudah bagi menyelesaikan masalah-masalah sistem sedia-ada seperti yang telah dinyatakan diatas melalui satu sistem web yang mudah digunakan serta efisyen dari segi masa yang diperlukan untuk melakukan suatu tempahan dan sebagainya.

## **3. Tidak memahami sistem penempahan**

Protokol yang perlu diikuti sekarang adalah panjang dan memerlukan masa lama bagi suatu proses lengkap satu penempahan. Ramai pelajar yang memerlukan penggunaan dewan dan sebagainya dan tempat-tempat ini selalunya penuh ditempah. Persatuan - persatuan yang aktif selalunya memonopoli penempahan yang menyebabkan persatuan-persatuan yang kurang aktif sukar untuk membuat tempahan apabila terdapat aktiviti persatuan/kelab.

Satu lagi masalah yang biasa dijumpai adalah pelajar tidak menggunakan garis panduan yang disediakan oleh pihak HEP untuk membuat tempahan. Pelajar tidak mengetahui proses tempahan contohnya tempat-tempat yang boleh digunakan dan dibawah pengusaan pihak HEP dimana pelajar datang ke pejabat HEP untuk membuat tempahan dewan kolej/fakulti dan sebagainya yang berada dibawah penguasaan kolej atau fakulti tersebut.

*Kepada kebolehan suatu sistem IT. Mereka percaya jika satu sistem online dibuat, mereka tetap*

Tempahan dilakukan lewat dan menyukarkan pihak HEP. Contohnya pelajar menempah dewan seminggu sebelum ia hendak digunakan untuk aktiviti walhal pelajar yang membuat tempahan yang lebih awal pun tidak dijamin tempat tempahan yang diingini.

*Dengan sistem online yang effisen masalah masalah ini dapat diselesaikan*

Disebabkan tragedi yang berlaku kepada Dewan Tunku Chansellor tempat-tempat yang boleh digunakan untuk aktiviti yang boleh menampung bilangan tetamu yang ramai telah berkurang. Pihak HEP boleh membatal atau menundakan tempahan pelajar jika dewan hendak digunakan oleh pihak universiti dimana notis membatalan selalunya dilakukan terlalu lambat maka menyusahkan pihak yang telah membuat tempahan terdahulu.

#### **4. Tahap kecelikan IT**

Satu masalah yang sering berlaku apabila satu sistem lama digantikan dengan sistem teknologi informasi yang terkini ialah tahap pengetahuan IT pengguna sistem. Satu sistem yang tidak digunakan sepenuhnya atau dengan cara yang betul adalah satu sistem yang telah gagal. Kami mendapati tahap celik IT

1. dikalangan staff HEP adalah ditahap yang rendah dibandingkan dengan kebanyakan pelajar.

*Sistem projek ini tertumpu kepada:*

Ada diantara mereka yang boleh atau tahu menggunakan kemudahan seperti email dan internet dan sebagainya tetapi mempunyai pemikiran lama yang sempit dan tidak mempunyai kepercayaan yang sepenuhnya kepada kebolehan suatu sistem IT. Mereka percaya jika satu sistem online dibuat, mereka tetap akan menggunakan sistem lama secara selari dengan sistem baru dan sistem paperless adalah satu yang sukar untuk dipraktikkan dimana terdapatnya mentaliti sedemikian.

*Individu yang menggunakan sistem*

Dengan sistem online yang effisien masalah-masalah ini dapat diselesaikan mungkin perubahan mengambil masa tapi akan diselesaikan apabila pengguna sistem samada pihak HEP atau pelejar telah membiasakan diri kepada penggunaan sistem.

*Individu yang menyatakan bahawa sistem*

Penyelia sifat-sifat terhad kepada individu tertentu yang diberi akhiran untuk mengawalsua serta mengemasikkan sistem. Individu yang terlibat ini boleh dari bahagian HEP ataupun ajk kelab dan persatuan.

## **1.4. Skop projek**

**Skop projek ini tertumpu kepada:**

**Jenis perkhidmatan pelajar** bertujuan untuk memudahkan perjalanan sistem kereta walau pun bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang Projek ini memfokuskan kepada perkhidmatan pengangkutan sahaja dan ia hanya melibatkan kenderaan bas universiti. Juga ia hanya merangkumi perkhidmatan bas HEP ( Hal Ehwal Pelajar ) dan tidak melibatkan kenderaan kolej, fakulti dan sebagainya.

### **Individu yang menggunakan sistem**

Pengguna yang diberi akses kepada sistem terhad kepada ahli jawatankuasa (AJK) kelab dan persatuan sahaja. Ini bermakna selain daripada individu yang berkenaan, yang bukan ajk umpamanya tidak boleh mengakses sistem ini.

### **Individu yang mengawalselia sistem**

Penyelia sistem juga terhad kepada individu tertentu yang diberi akses untuk mengawalselia serta mengemaskinikan sistem. Individu yang terbabit mungkin dari bahagian HEP ataupun ajk kelab dan persatuan.

## 1.1 Bahasa yang digunakan

- Sistem akan menunjukkan status kerja dan maklumat cara kerja sistem. Bahasa yang digunakan untuk sistem ini ialah bahasa Melayu, yang juga merupakan bahasa ibunda. Ia bertujuan untuk memudahkan perjalanan sistem kerana walaupun bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan dalam kebanyakan sistem, namun kebanyakan sistem di Universiti Malaya sebelum ini mahupun sistem yang sedia ada menggunakan bahasa Melayu dalam implementasinya.

- Sistem hanya akan memberi cadangan waktu yang bebas tersedia jika diperlukan dengan memproses input dari pengguna seperti masa yang dinginkan jika hari tidak menjadi satu (suatu keadaan) dan tidak secara automatik mengalokasikan tempat secara tumpang (aitu memasukkan tempahan kedalam slot yang kosong atau jadual).

## 1.5. Limitasi projek

- Sistem akan menunjukkan status tempahan dan mengikut cara “*first come first served*” tetapi juga mengikut keutamaan (priority) atau tahap kepentingan aktiviti/aturcara.
- Pertembungan waktu tempahan akan dinyatakan dalam sistem dan boleh diselesaikan (jika amat diperlukan) dengan perbincangan diantara ketua/pemimpin kelab-kelab (melalui email yang disediakan atau bersemuka) mengikut budi bicara.
- Sistem hanya akan memberi cadangan waktu yang bebas atau tersedia jika diperlukan dengan memproses input dari pengguna (seperti masa yang dinginkan jika hari tidak menjadi satu isu dan sebagainya) dan tidak secara automatik mengalokasikan tempat secara rambang (iaitu memasukkan tempahan kedalam slot yang kosong dalam jadual).

### Kategori Pengguna

Pengguna dibahagikan kepada dua kategori iaitu penempah dan pengurus dimana hak ciptaan berbeza dientri kategori. Pengurus adalah orang yang berkuasa di bahagian HEP dan penempah adalah sesiapa yang ingin membuat tempahan. Pengguna hendaklah memilih kategori yang telah didaftarkan untuk log-in kedalam sistem.

Pengurus mempunyai hak ciptaan yang membentuknya menulur segala maklumat penempahan dalam kes-kes tertentu seperti pembatalan

## **1.6. Jangkaan Output :**

### **Sistem yang mesra pengguna.**

Satu sistem pendaftaran yang menggunakan aplikasi web yang mudah digunakan dengan antaramuka mesra pengguna yang mudah digunakan. Terdapat juga tutorial ringkas pada laman tersebut bagi pengguna kali pertama.

Disediakan juga syarat-syarat bagi penempahan bagi membantu keraguan pengguna. Sistem juga akan menunjukkan jadual penempahan terkini yang merangkumi slot-slot masa yang telah ditempah dan slot-slot masa yang kosong secara terperinci.

Maklumat tentang penempah akan di”link”kan pada slot yang ditempah bagi memudahkan komunikasi diantara pihak HEP dengan penempah atau diantara penempah dan penempah lain.

### **Kategori Pengguna**

Pengguna dibahagikan kepada dua katagori iaitu penempah dan pengurus dimana hak capaian berbeza diantara kategori. Pengurus adalah orang yang berkuasa di bahagian HEP dan penempah adalah sesiapa yang ingin membuat tempahan. Pengguna hendaklah memilih kategori yang telah didaftarkan untuk log-in kedalam sistem.

Pengurus mempunyai hak capaian yang membenarkannya menukar segala maklumat penempahan dalam kes-kes tertentu seperti pembatalan


penempahan, aktiviti yang lebih penting diutamakan dan sebagainya. Senarai ruang Kompleks Perdanasiswa akan dipaparkan berserta dengan gambar, lokasi, muatan, peralatan dan sebagainya.

### 1.7. Penjadualan Pembangunan Sistem

MINGGU	AKTIVITI
1	Memahami projek
1 - 6	Mengumpul maklumat
6 – 10	Fasa analisis keperluan
10 – 14	Fasa rekabentuk sistem
12 – 14	Laporan Latihan Ilmiah 1
15 – 28	Fasa pembangunan dan pengkodan
24 – 30	Fasa pengujian
26 – 36	Fasa operasi dan peyelenggaraan
32 - 36	Dokumentasi sistem

Rajah 1.3: Penjadualan pembangunan sistem.

### 1.7.1. Carta Gantt Pembangunan Sistem



Gambarajah Gantt Fasa Pembangunan Sistem

## **2. Pengenalan Kajian Kepimpinan Pelajar**

Kajian Kepimpinan Pelajar Universiti Malaya (UM) adalah satu kajian universiti yang dijalankan oleh pejabat Hal-Ehwal Pelajar UM dibawah penyeliaan Prof. Dato' Hashim Yaakob selaku Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya. Tujuan kajian termasuk membuat kajian dan analisis mengenai tahap prestasi para pemimpin pelajar universiti ini. Kajian ini menitikberatkan kesan penglibatan para pimimpin pelajar dalam aktiviti-aktiviti universiti yang dijalankan mereka terhadap prestasi akademik mereka sepanjang pengajian di universiti ini.

### **2.1. Bahagian Peperiksaan**

Proses bagi mendapatkan maklumat prestasi akademik pelajar universiti adalah satu proses yang rumit secara keseluruhannya. Maklumat-maklumat peribadi pelajar adalah sangat dirahsiakan daripada pengetahuan pihak lain. Pengalaman bahagian peperiksaan daripada perkara-perkara yang telah berlaku sekiranya maklumat pelajar diberikan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab ( mahupun yang berniat baik ) telah menyebabkan pihak di bahagian Peperiksaan lebih berhati-hati dalam pemberian atau pendedahan maklumat ini. Ketua Penolong Pendaftar bahagian peperiksaan telah memberikan hujah yang kukuh dengan pendirian mereka terhadap memberian maklumat ini. Maklumat ini boleh diperolehi bagi menjalankan kajian ini dan surat kebenaran daripada Dato' Hashim telah diperolehi dan kajian dapat diteruskan apabila pihak Peperiksaan tidak sibuk dengan aktiviti universiti lain seperti Konvo dan Peperiksaan Akhir Semester.

## **2.2. Prestasi Akademik Pemimpin Pelajar (MPP)**

Maklumat yang diperlukan untuk analisa adalah seperti berikut :

1. GPA dan CGPA MPP setiap semester sepanjang pengajian dia UM.
2. Nama dan Nombor Matriks pelajar diberikan
3. Nama, Jantina dan Fakulti adalah diperlukan dengan tepat dimana analisa yang perlu dijalankan akan dihubungkaitkan dengan makulmat-maklumat ini.

## **2.3 Analisa yang akan dilakukan .**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat perbezaan prestasi akademik para pemimpin pelajar terutamanya MPP sebelum dan selepas pelajar tersebut melibatkan diri dalam aktiviti/persatuan/pertubuhan ini.

Terdapat beberapa faktor-faktor yang telah dikenalpasti yang secara tidak langsung memainkan peranan dalam menganalisa GPA/CGPA mereka dan faktor-faktor ini perlu dipertimbangkan sebelum kesimpulan kajian dibuat. Diantara faktor-faktor ini adalah :

- a. **Fakulti pelajar :** Sama ada fakulti ini diketahui/dikenali dengan mata pelajaran yang sukar ATAU fakulti tidak menggalakkan/membenarkan penglibatan pelajar dalam persatuan/pertubuhan dengan serius ATAU pelajar fakulti dipilih/dipaksa (tanpa kehendak/keinginan mereka) menjadi MPP hanya sebagai wakil fakulti ATAU faktor-faktor lain.
- b. **Jantina pelajar :** Sama ada daripada statistik umum lain yang menunjukkan tahap pencapaian pelajar wanita dan lelaki adalah secara keseluruhan mempunyai corak yang berbeza. Contohnya pelajar

wanita lebih cenderung untuk berjaya di universiti daripada pelajar

lelaki.

c. **Nama** : Sebenarnya yang dapat ditafsirkan daripada nama adalah **kaum** atau **agama/kepercayaan** pelajar tersebut. Prestasi daripada kaum yang berbeza di negara ini adalah konsisten dalam setiap kaum dimana satu kaum mungkin menunjukkan prestasi yang lebih baik dari kaum lain secara purata.

Faktor-faktor diatas adalah amat penting dalam membuat analisa dan kesimpulan yang lebih tepat dan benar tetapi hanya diketahui oleh saya sahaja.

Seperti yang telah diterangkan oleh En. Yusof, maklumat-maklumat pelajar yang diperlukan dalam kajian ini adalah amat sulit dan masalah ini saya fahami dan saya akan cuba sedaya upaya untuk mengekalkan status "anonymity" pelajar-pelajar ini. Daripada laporan yang akan dihasilkan juga tidak akan membenarkan pembaca membuat andaian dan tekaan mengenai pelajar yang dinyatakan dalam laporan tersebut. Pelajar-pelajar akan dinamakan secara umum contohnya , Pelajar A, Pelajar B dan seterusnya dan didalam graf atau jadual, maklumat pelajar-pelajar akan dipaparkan secara rawak. Fakulti pelajar juga akan dinamakan dengan cara yang sama contohnya, Fakulti A, Fakulti B dan seterusnya.

Jika pihak-pihak tertentu mahukan malumat yang lebih lanjut dan terperinci kajian ini, mereka haruslah mendapat kebenaran daripada Bahagian Peperiksaan. Perjanjian saya dengan En. Yusof adalah supaya saya mematuhi syarat-syarat seperti yang telah dinyatakan diatas sebelum maklumat-maklumat pelajar ini diberikan kepada saya.

Satu kaedah yang saya boleh gunakan juga ialah memasukkan satu masukkan palsu atau "dummie" kedalam jadual atau graf jika ia diperlukan bagi mengelakkan penekaan terhadap pelajar. Contohnya pelajar di fakulti A hanya mempunyai 2 wakil MPP sahaja dan beberapa fakulti lain mempunyai 4 wakil masing-masing maka pembaca boleh membuat tekaan yang tepat bahawa kedua-dua pelajar adalah daripada fakulti A. Kejadian ini tidak akan saya benarkan maka saya akan memasukkan 2 "dummie" kedalam jadual fakulti A yang tidak memberi kesan kepada analisa yang dijalankan. Kaedah ini hanya akan digunakan jika diperlukan.


Pelajar G	Fakulti C	3.80	3.32	2.70	2.71	2.87	2.41
Pelajar H	Fakulti D	2.75	3.04	2.62	2.62	2.48	2.66
Pelajar I	Fakulti E	3.10	3.00	2.80	2.80	2.72	2.74
Pelajar J	Fakulti F	3.00	3.00	2.70	2.70	2.70	2.70
Pelajar K	Fakulti G	3.00	3.00	2.70	2.70	2.70	2.70
Pelajar L	Fakulti H	3.00	3.00	2.70	2.70	2.70	2.70
Pelajar M	Fakulti H	3.00	3.00	2.70	2.70	2.70	2.70
Pelajar N	Fakulti H	3.00	3.00	2.70	2.70	2.70	2.70
Pelajar O	Fakulti H	3.00	3.00	2.70	2.70	2.70	2.70
Pelajar P	Fakulti I	3.24	3.04	2.33	2.33	2.26	2.86
Pelajar Q	Fakulti I	3.24	3.14	2.73	2.73	2.96	2.91
Pelajar R	Fakulti J	3.26	3.65	2.75	2.75	2.52	2.35
Pelajar S	Fakulti K	3.54	3.03	2.91	2.91	2.65	2.80
Pelajar T	Fakulti K	3.32	3.04	2.53	2.53	2.72	2.68
		3.14	3.18	2.58	2.58	2.58	2.62

Jadual 1 : Jadual GPA MPP sepanjang tiga tahun pengajian di UTM

Pelajar	Fakulti	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3	
		Semester 1	Semester 2	Semester 3	Semester 4	Semester 5	Semester 6
Pelajar A	Fakulti A	3.52	3.42	2.50	2.55	2.34	2.92
Pelajar B	Fakulti A	3.23	3.01	2.51	2.32	2.74	2.73
Pelajar C	Fakulti B	2.51	3.69	2.57	2.38	2.80	2.94
Pelajar D	Fakulti B	2.85	3.36	2.53	2.22	2.49	2.32
Pelajar E	Fakulti B	2.89	2.20	2.72	2.52	2.63	2.38
Pelajar F	Fakulti C	3.53	3.16	2.55	2.42	2.84	2.74
Pelajar G	Fakulti C	3.60	3.32	2.70	2.81	2.87	2.41
Pelajar H	Fakulti D	2.75	3.04	2.59	2.33	2.49	2.66
Pelajar I	Fakulti E	2.94	3.16	2.67	2.97	2.41	2.58
Pelajar J	Fakulti F	2.66	3.69	2.80	2.22	2.46	2.20
Pelajar K	Fakulti G	3.25	3.14	2.45	2.85	2.22	2.28
Pelajar L	Fakulti G	3.02	3.08	2.24	2.32	2.51	2.84
Pelajar M	Fakulti H	3.11	3.26	2.41	2.28	2.47	2.52
Pelajar N	Fakulti H	3.23	2.82	2.53	2.26	2.83	2.85
Pelajar O	Fakulti H	3.19	2.91	2.51	2.76	2.46	2.35
Pelajar P	Fakulti I	3.24	2.84	2.33	2.89	2.25	2.96
Pelajar Q	Fakulti I	3.24	3.14	2.73	2.21	2.96	2.91
Pelajar R	Fakulti J	3.26	3.65	2.75	2.90	2.52	2.35
Pelajar S	Fakulti K	3.54	3.03	2.91	2.94	2.65	2.80
Pelajar T	Fakulti K	3.32	3.64	2.53	2.63	2.72	2.59
Purata		3.14	3.18	2.58	2.54	2.58	2.62

Jadual 1 : Jadual GPA MPP sepanjang tiga tahun pengajian di UM


### Purata GPA Semua Pelajar dalam



Graf 1 : Graaf GPA lawan Semester pelajar

Dari pada jadual dan graf yang telah diberikan menunjukkan maklumat GPA

pelajar yang berbeza mengikuti pelajaran di semester 1, 2, 3 dan 4. Pelajar yang mengikuti pelajaran di dalam semasa ini adalah pelajar yang berbeza mengikuti pelajaran di dalam semasa ini. Pelajar yang berbeza mengikuti pelajaran di dalam semasa ini adalah pelajar yang berbeza mengikuti pelajaran di dalam semasa ini.



Graf 2 : Graf tiga dimensi prestasi 20 pelajar pada 4 semester

## **2.4 Analisis.**

Daripada jadual dan graf yang telah dijanakan menunjukkan menurunan GPA pelajar yang konsisten dari semester 2 ke 3 ( tahun 3 ). Penurunan yang konsisten ini seperti yang telah dapat dijangka adalah sebahagian besarnya disebabkan pengurangan menumpuan pelajar kepada akademik apabila mereka mula melubatkan diri dalam aktiviti politik universiti. Pelajar-pelajar daripada semua fakulti, mahupun dari kaum yang berbeza menunjukkan menurunan tahap akademik mereka oleh itu faktor-faktor perbezaan fakulti, jantina dan juga kaum tidak boleh digunakan dalam kajian ini.

Pelbagai andaian masih lagi dapat diberikan daripada keputusan ini contohnya secara keseluruannya penurunan ini juga adalah konsisten dengan purata gred akademik pelajar-pelajar universiti lain secara umumnya yang tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti universiti secara serius( daripada kajian lain contohnya), tetapi apa yang diberi penekanan adalah satu punca daripada tidak menggunakan kemudahan Teknologi Maklumat (IT) dalam melaksanakan aktiviti persatuan mereka. Kemudahan IT yang dapat digunakan adalah seperti berikut :

- Sistem Penempahan samada kendaraan ataupun ruang/bilik/dewan bagi kegunaan aktiviti persatuan mereka : Seperti yang telah dinyatakan dalam thesis ini pada bab 1 dimana, kemudahan-kemudahan ini tidak wujud dan sistem manual masih digunakan sepenuhnya dan pemprosesan permintaan atau tempahan ini biasanya mengambil masa yang agak lama dan melibatkan perjumpaan dengan beberapa pentadbir universiti yang memerlukan kelulusan daripada mereka.

- Mesyuarat/perjumpaan atas-talian (on-line collaboration) : Dengan kemudahan rangkaian komputer setempat atau lebih baik lagi kemudahan capaian internet kepada pelajar-pelajar ini samada di asrama atau di rumah mereka, mesyuarat atau perbincangan tidak rasmi dapat dijalankan tanpa memerlukan mereka berkumpul di mana-mana bilik mesyuarat. Pelajar dapat menggunakan perisian seperti Micro\$oft Netmeeting untuk menjalankan “Video conferencing” dengan pelajar lain ataupun pegawai pentadbir universiti.
- Menggunaan lain : Perisian “Instant Messenger(IM)” atau “Internet Relay Chat(IRC)” juga diantara kemudahan yang dapat digunakan dalam perbincangan aktiviti persatuan. E-mail adalah diantara kemudahan yang paling biasa digunakan oleh pelajar-pelajar tetapi ia adalah satu kemudahan internet yang bukan pada masa sebenar “real time” dimana saya anggap sebagai satu cara yang tidak berkesan dalam kes ini dimana terdapat masa “delay” yang agak besar dan berbeza diantara masa hantar dan masa *dibaca* penerima (*bukan* masa *diterima* penerima.).

Daripada kepelbagaian kemudahan-kemudahan yang dinyatakan diatas, adalah tidak bermakna jika infrastruktur rangkaian tidak dapat disediakan oleh ISP dan syarikat telekomunikasi utama negara dimana ini adalah benar secara keseluruhannya. Kelemahan syarikat-syarikat ini boleh dikatakan dalam tahap yang memalukan negara yang lebih gemar menggembarkan kemajuan IT negara seperti “MSC Super Corridor” dan pembaziran dalam pengiklanan dimana tidak terdapat syarikat saingan lain dan motif pengiklanan adalah lebih kepada penjualan nama sahaja.

## 2.5 Kesimpulan.

Kemajuan sesuatu negara pada masa kini adalah bersinonim dengan kemajuan IT mereka. Apa yang berlaku seperti di negara Korea Selatan mestilah dicontohi negara kita dimana kerajaan mestilah memainkan peranan yang penting dalam usaha ini. Mereka mestilah memberi tekanan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi negara yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata tanpa memikirkan kemajuan negara. Apakah gunanya teknologi tanpa kemudahan dan infrastruktur.

Universiti-universiti terutamanya Universiti Malaya perlulah menyediakan kemudahan IT kepada setiap bilik pelajar disetiap kolej bukannya pada satu kolej sahaja. Kafe siber adalah satu contoh kemudahan yang dapat disediakan tetapi kesulitan aktiviti internet akan terjejas. Semua ini dapat dilaksanakan dengan jayanya jika ianya dirasakan satu perkara yang penting oleh pihak pentadbir universiti malangnya pada pendapat saya mereka tidak merasakan sedemikian.

Dengan adanya kemudahan ini, pelajar-pelajar dapat menjimat masa mereka terutama sekali dalam perjumpaan persatuan dimana semuanya boleh dilakukan atas-talian. Saya berpendapat bahawa masa adalah adalah satu-satunya perkara yang dapat dikaitkan dengan penuruna prestasi akademik para MPP universiti dimana dengan pengurusan masa yang baik dan penyediaan infrastruktur IT yang dapat disediakan mungkin satu perubahan yang baik dapat dilihat pada masa akan datang .

## **2.6 Penggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat**

### **2.6.1 Bagaimana Teknologi Komunikasi dan Maklumat dapat membantu dalam Proses melakukan tempahan.**

Sebagaimana yang kita tahu, penggunaan ICT melibatkan penggunaan teknologi dan seharusnya teknologi yang digunakan disini mengadaptasikan penggunaan komputer dan peranti komunikasi dalam setiap fungsinya. ICT dapat memperbaiki kelemahan sistem tempahan pengangkutan secara manual yang sedia ada dengan;

#### **Sistem berdasarkan Web.**

Sistem yang dibangunkan berdasarkan web dan penggunaan Internet. Maka, akses ke atas sistem akan dapat dicapai dari pelbagai lokasi dengan autentifikasi pengguna tertentu bagi capaian maklumat. Ini dapat menjadikan perlaksanaan permohonan lebih lancar, cepat dan mudah kerana pengguna tidak perlu hadir ke kaunter sama ada bagi membuat permohonan tempahan, mendapatkan status tempahan mahupun membatalkan permohonan. Pihak yang akan diberi kuasa untuk mengesahkan permohonan juga dapat memberi pengesahan dari mana-mana sahaja dan ini akan mengurangkan masa 'delay' untuk pengesahan permohonan.

#### **Sistem Automasi Perkomputeran.**

Penggunaan komputer dalam aplikasi sistem bagi menggantikan sistem manual bukan sahaja dapat mengurangkan penggunaan kertas, malah kerja-kerja dapat dilakukan dengan pantas, cekap dan lebih efisien. Penyelia sistem

akan mudah untuk mengemaskini segala maklumat tentang sistem, maka jadual tempahan penggunaan dewan umpamanya lebih mudah di'update' dan sentiasa 'up-to-date'.

### **Pangkalan Data.**

Segala maklumat (yang sangat banyak) tentang tempahan, ruang, info pengguna dan sebagainya akan dapat diumpukan ke dalam sebuah pangkalan data. Ini dapat mengurangkan masalah lewahan data, pengulangan data yang sama dan dapat menguruskan data dengan lebih berkesan. Penggunaan pangkalan data bagi simpanan data juga akan dapat meningkatkan tahap keselamatan data dan mengelakkan masalah data/ dokumen hilang ataupun musnah akibat kecuaian manusia.

Sesuatu model juga tidak memastikan penyelesaian yang paling tepat bagi sesuatu sistem hanya sekiranya dia diubahsuai dan diperbaharui sepanjang pembangunan sistem.

## 2.7 Pemodelan

Model adalah penting terutamanya dalam disiplin kejuruteraan. Apabila sesuatu perkara dibina lukisan (model) dibuat untuk menunjukkan bentuk atau kelakuan binaan tersebut. Model selalunya ditunjukkan dalam bahasa visual (visual language). Ini bermakna kebanyakannya maklumat di dalam model ditunjukkan dalam bentuk simbol grafik, hubungan dan juga penerangan dalam bentuk teks.

Antara kegunaan umum pemodelan dalam kejuruteraan perisian adalah ia dapat digunakan untuk menunjukkan produk yang ingin dibina dari sudut keperluan, kefungsian, rekabentuk serta prestasi bagi sesuatu sistem. Pemodelan juga digunakan untuk menjangkakan belanjawan dan masa yang sepatutnya diperlukan untuk menyiapkan sesuatu projek. Selain dari itu, pemodelan dapat membantu mengatasi krisis dalam perisian (software crisis) dimana pengaturcaraan dibuat secara tergesa-gesa tanpa memikirkan keperluan sebenar bagi sistem tersebut. Sesuatu model juga tidak menggambarkan penyelesaian yang paling tepat bagi sesuatu sistem ianya akan sentiasa diubahsuai dan diperbaharui sepanjang pembangunan sistem.

Model (model) merupakan sesuatu sistem berlinduk dan berinteraksi dengan dunia nyata. Ia merupakan aktiviti yang jelas kelihatan dan juga boleh dirajui dalam dunia sistem. Kelakuan sistem digambarkan di dalam satu cara. Use case ini memberi gambaran mengenai sistem, persekitaran dan juga hubungan antara sistem tersebut dengan persekitarannya.

## 2.8 APAKAH UML ?

UML adalah suatu bahasa pemodelan yang diasaskan oleh Grady Booch, Jim Rumbaugh dan Ivar Jacobson. Ia menggabungkan metodologi-metodologi utama seperti Booch, OMT dan OOSE selain dari konsep-konsep dari metodologi yang lain contohnya David Harel untuk carta berstruktur dan notasi Fusion.

Antara kebaikan penggunaan UML adalah ia menggambarkan pemetaan (gambaran atau jujukan) dari analisis kepada rekabentuk dan akhirnya implementasi. Ia memberikan notasi-notasi yang konsisten dan ini memudahkan model tersebut digunakan untuk berkomunikasi dengan pengguna. Ianya juga digunakan untuk menggambarkan kelakuan sistem, interaksi antara objek dan juga rekabentuk bagi sistem tersebut.

### 2.8.1 KELAKUAN SISTEM

Kelakuan sistem adalah bagaimana sesuatu sistem bertindak dan bertindakbalas (act and react). Ia merupakan aktiviti yang jelas kelihatan dan juga boleh diuji di dalam sesuatu sistem. Kelakuan sistem digambarkan di dalam use case. Use case ini menerangkan mengenai sistem, persekitaran dan juga hubungan antara sistem tersebut dengan persekitarannya.

## 2.8.2 PEMODELAN USE CASE

Suatu Use-case penggambarkan satu cara yang lebih spesifik mengenai cara menggunakan suatu sistem. Use-case yang telah dikenalpasti menjelaskan fungsian yang dilakukan oleh sistem hasil daripada permintaan daripada suatu Actor ( seseorang atau sistem lain yang berinteraksi dengan sistem). Use-case menyediakan cara untuk mendapatkan keperluan mengenai sistem, berkomunikasi dengan pengguna-akhir dan pakar-pakar domain serta menguji sistem. Use Case-Use Case utama yang dikenalpasti dalam sistem yang dicadangkan termasuk :

- Menambah maklumat kepada sistem teragih dimana use case ini menerangkan proses menambah suatu dokumen atau maklumat kepada pendaftaran ( *registry* ). Proses menambahkan maklumat kepada pendaftaran diimplementasikan melalui satu pangkalan data terpusat atau teragih yang pemegang rujukan kepada semua dokumen yang dikongsi dalam projek. Setelah dirujuk kedalam pendaftar, dokumen tersebut boleh dicapai oleh semua pengguna sah sistem.

### 2.8.3 RAKAMAN

- Mencari Maklumat: use case ini menerangkan proses mencari maklumat yang dipegang oleh pelbagai penyedia maklumat yang telah berdaftar dengan sistem cadangan. Maklumat yang dikongsi contohnya dokumen, akan dirujukkan kedalam pendaftar (registry).

- Mendapatkan Maklumat : Use case ini menerangkan proses bagi mendapatkan maklumat yang dipegang oleh penyedia maklumat menerusi pendaftar.

Model use case adalah terdiri daripada actor (yang menunjukkan persekitaran sistem) dan use case (yang menunjukkan fungsi bagi sistem). Model use case yang sama boleh digunakan dalam fasa analisa keperluan, rekabentuk dan pengujian.

Model digunakan sebagai medium komunikasi antara pengguna dan pakar dalam domain. Ia digunakan untuk mengenalpasti siapa yang akan berinteraksi dengan sistem dan apa yang boleh dilakukan oleh sistem. Model juga digunakan untuk menentusahkan (*verify*) bahawa semua keperluan pengguna bagi sistem tersebut telah didapati.

Sumber maklumat bagi sebarang use case :

- \* spesifikasi bagi sistem atau pernyataan masalah


### 2.8.3 RAJAH USE CASE

\* termasuklah teknik dan pola dalam bidang atau domain

Rajah use case dilukis untuk menunjukkan bagaimana use case dan actor berinteraksi dengan menghantar stimuli antara satu sama lain. Konsep-konsep utama bagi rajah use case adalah actor dan use case.

#### Konsep-konsep utama :

##### Actor



- mewakili apa jua yang berinteraksi dengan sistem
- actor bukan sebahagian dari sistem, ia mewakili peranan yang dimainkan oleh pengguna sistem
- actor boleh bertukar maklumat secara aktif dengan sistem atau menerima maklumat secara pasif dari sistem
- actor boleh mewakili samada manusia, mesin atau sistem yang lain

##### Use Case



- ia adalah jujukan tindakan yang dilakukan oleh sistem yang akan menghasilkan keputusan atau sesuatu nilai kepada sistem
- use case adalah model bagi dialog antara actor dengan sistem
- use case dimulakan oleh actor untuk melakukan fungsi tertentu terhadap sistem

Sumber maklumat bagi sesuatu use case :

- spesifikasi bagi sistem atau pernyataan masalah

- bahan-bahan penulisan yang berkaitan dengan domain


- temuramah terhadapa pakar dalam bidang atau domain.

- Pengetahuan dalam bidang tersebut

